



Terma & Syarat Kempen Ganjaran Bonus Yippie/-i

Kempen “Ganjaran Bonus Yippie/-i” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Maybank**”) dan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat berikut. Kempen ini bermula pada 1 Julai 2022 hingga ke 31 Disember 2022 (termasuk kedua-dua tarikh), atau sehingga sasaran kempen dicapai, mana yang lebih awal (“**Tempoh Kempen**”).

Kelayakan

1. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang akaun In-Trust baharu Yippie Club Savings Account dan/atau Yippie-i Club Savings Account (secara kolektif dirujuk sebagai “Yippie/-i Club Savings Account”) (“**Akaun Penyertaan**”) yang dibuka dalam tempoh kempen, termasuk individu iaitu kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dengan ibu bapa/penjaga yang tidak mencecah 60 tahun.
2. Pelanggan yang memegang akaun Yippie/-i Club Savings Accounts yang sedia ada sebelum tempoh kempen tidak layak untuk kempen ini.
3. Semua kakitangan Maybank Group tidak layak untuk menyertai kempen ini.

Pelanggan yang memenuhi kriteria di atas selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan Yang Layak**”.

Mekanisma Kempen

4. Pelanggan yang membuka akaun Yippie/-i Club Savings baharu dalam Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria kelayakan seperti dalam klausa 10 berhak untuk mendapat Ganjaran Bonus tambahan sebanyak 0.10% kadar faedah/ keuntungan setahun melebihi Kadar Asas Semasa berdasarkan penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM1,000 sehingga maksimum RM30,000 setiap akaun, sepanjang tempoh 6 bulan (iaitu 1 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan 1 Januari 2023 sehingga 30 Jun 2023).
5. Maybank dan Maybank Islamic adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Yippie/-i Club Savings Account dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
6. Penambahan deposit boleh dibuat melalui atas-kaunter di cawangan-cawangan Maybank Group, Mesin Juruwang Automatik (ATM) Maybank, Mesin Deposit Tunai/Cek Maybank, dan pemindahan melalui Maybank2u.com/M2U Mobile. Deposit cek hanya sah dan dipertimbangkan atas kelulusan Maybank Group (yang mana berkenaan) dan hasil cek yang dikreditkan dalam akaun tersebut.



Kelayakan Kempen

- 7. Ganjaran Bonus adalah 0.10% setahun melebihi Kadar Asas Semasa yang dinikmati pelanggan. Ganjaran Bonus akan diberi pada asas pertama datang, pertama dikhidmat.

Jadual Kadar

Kumpulan Baki BPH	Kadar Asas ¹ (% p.a)	Ganjaran Bonus ² (% p.a)	Jumlah Kadar ³ (% p.a)
RM1,000 - RM30,000	1.95	0.10	2.05

¹ Kadar Asas di atas bersamaan dengan kadar 1 bulan Akaun Deposit Tetap (FD)/Akaun Deposit Tetap Islamik-i (IFD-i) pada 8 Julai 2022. Pengiraan berdasarkan Baki Dalam Akaun dan tertakluk pada memenuhi kriteria untuk kadar 1 bulan FD/IFD-i iaitu satu (1) pengeluaran sebulan bagi tempoh 6 bulan dan umur tidak mencecah 18 tahun. Jika tidak, kadar Kawanku Savings Account/Savings Account-i akan digunakan iaitu 0.20% setiap tahun seperti pada 8 Julai 2022.

² Ganjaran Bonus adalah faedah/keuntungan sebanyak 0.10% setiap tahun terhadap penambahan BPH dari minimum RM1,000 hingga ke maksimum RM30,000 untuk setiap akaun dalam tempoh 6 bulan setiap kitaran seperti dalam klausa 8.

³ Jumlah Kadar bergantung pada faedah/keuntungan yang diperolehi dari Kadar Asas + Ganjaran Bonus.

Nota

Kadar Asas dan/atau Ganjaran Bonus boleh ditukar dengan sewajarnya mengikut pertukaran pada Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) atau pada yang tidak berkaitan dengan Kadar Dasar Semalaman.

- 8. Pelanggan Yang Layak berhak memenangi 2 Ganjaran Bonus mengikut 2 kitaran kempen, tertakluk kepada memenuhi kriteria kelayakan kempen pada setiap kitaran.

Kitaran 1 = 01.07.2022 – 31.12.2022

Kitaran 2 = 01.01.2023 – 30.06.2023

Pelanggan tidak akan layak untuk Ganjaran Bonus selepas tempoh tersebut.

- 9. Ganjaran Bonus akan dihitung sehingga 31 Disember 2022 (untuk kitaran 1) dan sehingga 30 Jun 2023 (untuk kitaran 2) dan dikreditkan pada bulan selepas setiap kitaran, melainkan tarikh lain yang ditentukan oleh Maybank.

- 10. Penambahan Baki Purata Harian (BPH) maksimum dan minimum untuk layak mendapat Ganjaran Bonus adalah seperti berikut:-

BPH Minimum	RM1,000-00
BPH Maksimum	RM30,000-00



11. Garis Dasar

- a. Kitaran 1 – Garis Dasar Sifar (Pelanggan Baru)
- b. Kitaran 2 – BPH akaun yang dibuka sehingga 31 Disember 2022

12. Pengiraan penambahan BPH adalah seperti berikut :-

Akaun Yippie/-i **baharu** yang dibuka dalam Tempoh Kempen (1 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022)

Kitaran 1 (membuka akaun baharu)

Penambahan BPH = $\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari tarikh pembukaan akaun sehingga 31 Disember 2022}}{\text{Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga 31 Disember 2022}}$

Tolak Garis Dasar "0" (item 11 a)

Kitaran 2 (tempoh 6 bulan seterusnya)

Penambahan BPH = $\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari 1 Januari 2023 sehingga 30 Jun 2023}}{181 \text{ days (01.01.2023 – 30.06.2023)}}$

Tolak Garis Dasar (item 11 b)

13. Formula untuk pengiraan Ganjaran Bonus adalah seperti berikut :-

 $\text{Faedah/Untung Bonus (\%)} \times \text{Penambahan BPH}$ $\times \text{Bilangan Hari Penambahan BPH} / \text{Bilangan Hari Dalam Satu Tahun}$
--

^Tahun lompat = 366 hari, Tahun biasa = 365 hari

Contoh pengiraan Ganjaran Bonus adalah seperti berikut :-

Pelanggan A membuka akaun Yippie/-i baharu pada 25.09.2022. Pelanggan A membuat penambahan BPH sebanyak RM12,000 pada 31.12.2022 selepas ditolak Garis Dasar.

Kitaran 1

$0.10\% \times \text{RM}12,000 \times 98 \text{ (25.09.2022 - 31.12.2022)} / 365$ <p>RM3.22</p>
--

Pelanggan A terus membuat penambahan BPH sebanyak RM50,000 pada 30.06.2023 (01.01.2023 – 30.06.2023) selepas ditolak Garis Dasar.

Kitaran 2

$0.10\% \times \text{RM}30,000 \times 181 \text{ (01.01.2023 - 30.06.2023)} / 365$ <p>RM14.88</p>
--

Nota : Pengiraan penambahan BPH sebanyak RM30,000 adalah berdasarkan batas maksimum.



14. Pelanggan Yang layak yang umur telah mencecah 18 tahun tidak akan layak mendapat Ganjaran Bonus.
15. Hanya akaun Yippie/-i yang aktif sahaja layak untuk Ganjaran Bonus.
16. Akaun-akaun yang ditutup semasa atau sebelum Ganjaran Bonus dikreditkan tidak layak untuk Ganjaran Bonus.
17. Bagi Pelanggan Yang Layak dengan akaun berganda di bawah pelanggan yang sama :-
 - a. Ganjaran Bonus hanya diberi kepada akaun dengan penambahan BPH yang tertinggi.
 - b. Jika terdapat 2 atau lebih akaun dengan penambahan BPH yang sama dibawah satu Pelanggan Yang Layak, Ganjaran Bonus akan dibayar kepada akaun yang terkini.
18. Pelanggan Yang Layak yang mempunyai tag status yang berikut tidak layak untuk mendapat Ganjaran Bonus.
 - a. Sekatan Undang-Undang
 - b. AMLATFA
 - c. Debit Tidak Diterima
 - d. Akaun Terlebih Keluar
 - e. Akaun Dorman

Terma dan Syarat Umum

19. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Maybank.
20. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Kempen ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari ("hari" membawa makna sama dengan hari kalendar), di mana notis berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
21. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari Maybank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak difahami sepenuhnya.
22. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Maybank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Penyata Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh



dirujuk di www.maybank2u.com.my (“Penyata Privasi Kumpulan Maybank”) dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyata Privasi Kumpulan Maybank dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

- i) tujuan Kempen ini; dan
 - ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.
23. Maybank dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh Maybank.
 24. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian apa jua sifat sekalipun yang ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak yang berkenaan dengan penyertaan dalam Kempen ini. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian sifat ‘force majeure’, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan ‘act of God’, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
 25. Maybank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Kempen ini.
 26. Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
 27. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my).